



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 1 TAHUN 2025

PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI UNIVERSITI AWAM DI BAWAH PERATURAN 18 AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]

Disalinkan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Dikelilingkan kepada:

1. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
2. Pengerusi Lembaga Pengarah/Gabenor Universiti Awam
3. Naib Canselor Universiti Awam
4. Pendaftar Universiti Awam
5. Kakitangan Akademik Universiti Awam

KANDUNGAN

1.	TUJUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	PEGAWAI YANG DIBERI KEBENARAN SECARA AM	5
4.	SKOP KEBENARAN	6
5.	SYARAT-SYARAT KEBENARAN SECARA AM	7
6.	TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI	7
7.	PELAKSANAAN	7
8.	TARIKH KUAT KUASA	7
9.	PEMAKAIAN	7
10.	PENUTUP	8
11.	PERTANYAAN	8

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan berhubung pelaksanaan kebenaran secara am oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi kepada Pegawai Universiti Awam di dalam membuat pernyataan awam menurut Peraturan 18, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605].
- 1.2 Langkah ini diambil untuk memperkukuhkan kebebasan akademik, mempromosi keterbukaan intelektual dan menyokong aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam membangunkan ekosistem pendidikan tinggi yang dinamik dan inklusif.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sepertimana yang sedia dimaklumi, Akta 605 telah mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan tatatertib dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan dan perkara lain yang berkaitan dengannya.
- 2.2 Peruntukan yang bersabit dengan membuat pernyataan awam hendaklah dipatuhi oleh semua pegawai badan berkanun termasuklah Pegawai yang berkhidmat dengan Universiti Awam yang tertakluk kepada peruntukan yang digariskan di dalam Peraturan 18 Jadual Kedua, Akta 605 seperti berikut:

Membuat pernyataan awam

18. (1) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain—

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan tentang apa-apa isu;***
- (b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama badan berkanun atau Kerajaan;***

- (c) *membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan;*
- (d) *mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.*

(2) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain—

- (a) *membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan;*
- (b) *memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan penjalanan fungsi badan berkanun;*
- (c) *memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan badan berkanun atau Kerajaan; atau*
- (d) *menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain, melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, telah diperoleh terlebih dahulu daripada Menteri.*

(3) Subperaturan (2) tidaklah terpakai bagi apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan yang dibuat, diberikan atau disebarkan jika kandungan ulasan, maklumat atau penjelasan itu telah diluluskan oleh Menteri.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “pernyataan awam” termasuklah apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar atau orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan, tanpa mengambil kira caranya.

- 2.3 Peraturan 18(1) di atas merupakan larangan mutlak berhubung dengan pernyataan awam mengenai dasar, rancangan, keputusan dan kelemahan sesuatu Badan Berkanun/ Kerajaan yang memudaratkan, memalukan atau memburukkan nama institusi badan berkanun/ Kerajaan, manakala sub-peraturan (2) merupakan pernyataan awam berbentuk neutral/ penerangan yang boleh dibuat dengan syarat mendapat kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, daripada YB Menteri Pendidikan Tinggi.
- 2.4 Menyedari bahawa situasi dan ekosistem di Universiti Awam berbeza dengan badan berkanun yang lain dan khusus untuk mendokong kebebasan akademik serta pertukaran pendapat secara ilmiah, KPT berpandangan adalah wajar untuk memberi kebenaran secara am bagi perkara di Peraturan 18(2) Jadual Kedua, Akta 605.
- 2.5 Susulan itu, YB Menteri Pendidikan Tinggi telah bersetuju memberi kebenaran secara am kepada kakitangan akademik Universiti Awam untuk membuat pernyataan awam yang diperincikan melalui surat pekeliling ini. Ia antara lain bagi menyeragamkan batas-batas pernyataan awam yang boleh dibuat oleh kakitangan akademik Universiti Awam bagi perkara-perkara di bawah Peraturan 18 (2) Jadual Kedua, Akta 605.

3. PEGAWAI YANG DIBERI KEBENARAN SECARA AM

- 3.1 Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan (D) seperti berikut:
- a. Pensyarah Perubatan;
 - b. Pensyarah Universiti;
 - c. Pensyarah Pergigian; dan
 - d. Pensyarah Farmasi.

4. SKOP KEBENARAN

4.1 Kebenaran secara am ini hanya diberikan bagi tujuan:

- a. menyampaikan hasil penyelidikan kepada umum dalam bidang kepakaran untuk dimanfaatkan demi kemakmuran masyarakat dan negara;
- b. membincangkan isu-isu semasa yang berkait secara langsung dengan bidang kepakaran di mana-mana platform yang bersesuaian;
- c. menyatakan pandangan dan ulasan kepada mana-mana pihak terhadap kepada bidang kepakaran masing-masing sahaja; dan
- d. memberikan ulasan secara adil dan profesional berhubung dasar-dasar Kerajaan termasuk mengenai Perlembagaan Persekutuan dengan berlandaskan hujah akademik.

4.2 Kebenaran ini **TIDAK** meliputi pernyataan yang berkaitan dengan perkara-berikut:

- a. maklumat yang diklasifikasikan sebagai maklumat terperingkat yang dilindungi di bawah undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;
- b. bersifat peribadi dan mendatangkan kemudaratan kepada Universiti, Kerajaan, negara dan masyarakat;
- c. berbentuk hasutan, fitnah atau menyentuh sensitiviti agama, perkauman dan keselamatan negara; dan
- d. bertentangan dengan dasar semasa Universiti atau Kerajaan tanpa asas dan hujah akademik yang kukuh.

5. SYARAT-SYARAT KEBENARAN SECARA AM

- 5.1 Kakitangan akademik Universiti Awam hendaklah memastikan pernyataan yang dibuat mestilah beretika, profesional dan berlandaskan fakta serta dalam bidang kepakaran akademik masing-masing.

6. TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI

- 6.1 Pihak Berkuasa Universiti Awam hendaklah:

- a. Menyediakan garis panduan dalaman bagi mengurus kebenaran pernyataan awam sebagai panduan kepada kakitangan akademik Universiti Awam;
- b. Memastikan kakitangan akademik Universiti Awam yang membuat pernyataan awam mendapat bimbingan jika diperlukan; dan
- c. Memantau dan mengambil tindakan pembetulan sekiranya terdapat ketidakpatuhan.

7. PELAKSANAAN

- 7.1 Sebarang ketidakpatuhan terhadap skop dan syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil berdasarkan Akta 605.

8. TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Kebenaran ini berkuat kuasa serta-merta mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini disiarkan.

9. PEMAKAIAN

- 9.1 Kebenaran secara am ini hanya terpakai kepada semua Universiti Awam (taraf badan berkanun) sahaja.

9.2 Manakala bagi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, prinsip dan kandungan Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan untuk penerimaan oleh Lembaga Gabenor Universiti.

10. PENUTUP

10.1 KPT percaya bahawa inisiatif ini dapat memupuk budaya keterbukaan intelektual, menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih progresif dan meningkatkan reputasi Universiti Awam Malaysia di peringkat global.

11. PERTANYAAN


11.1 Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Governan IPTA
Jabatan Pendidikan Tinggi
Aras 8, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

Sekian, terima kasih

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK DR. ANESEEBIN IBRAHIM)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
b.p. Menteri Pendidikan Tinggi

22 Julai 2025